

Perjanjian Malaysia 1963 dan Soal Perundangan Sabah dan Sarawak: Tinjauan Terhadap Isu Sejarah dalam Laman Sosial

**A Rahman Tang Abdullah,¹
Abdul Rashid Salleh,²
Kadir Jaafar,³
Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia⁴**

Abstrak

Makalah ini membincangkan isu sejarah dan undang-undang yang berhubung dengan Perjanjian Malaysia 1963 berkenaan status-quo perundangan Sabah dan Sarawak. Ia menumpukan kepada analisis terhadap laman social utama yang mempersoalkan pelaksanaan dan kedudukan undang-undang perjanjian tersebut yang digunakan bagi mencapai matlamat politik mereka menyebarkan propaganda Sabah dan Sarawak keluar Malaysia. Namun, didapati bahawa segala hujah-hujah mereka hanya merupakan manipulasi isu tersebut yang menimbulkan keraguan dan salah tafsiran dalam konteks undang-undang dan sejarah. Kerangka perbincangan ini adalah berdasarkan analisis kandungan terhadap media social terpilih yang disandarkan kepada penyerapan sumber undang-undang dan sejarah berdasarkan kepada sejarah undang-undang.

Kata Kunci: Perjanjian Malaysia; Sabah; Sarawak; Status-quo Perundangan; Isu Sejarah.

¹ A Rahman Tang Abdullah (Ph.D.) adalah Professor Madya di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. Beliau juga merupakan visiting Scholar di Faculty of History, University of Cambridge (Februari-Desember 2017).

² Abdul Rashid Salleh merupakan Felo di Program Komunikasi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.

³ Kadir Jaafar (Ph.D.) adalah Pegawai tugas-tugas Khas kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia. Beliau juga merupakan Pensyarah Kanan di Program Geografi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.

⁴ Tan Sri Pandikar Amin Haji Mulia merupakan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia dari tahun 2008 sehingga sekarang.

***Malaysia Agreement of 1963 and Legal Status-quo of Sabah and Sarawak:
An Analysis on Historical Issue in Social Media***

Abstract

This article discusses the historical and legal issues in relations to the Malaysia Agreement of 1963 pertaining the status-quo of Sabah and Sarawak that have presented in the social media in the internet. It focuses on the analysis on the main social media which question the implementation and the legality of the Agreement in historical context in order to pursue their political means of propagating the exit of Sabah and Sarawak from Malaysia. However, it is found that their arguments are merely based on the the manipulation on the issues which are subjected to obscurity and misconstrue in legal and historical contexts. . The main framework of the discussion here is based on the content analysis on the selected social media complemented by the incorporation of historical and legal sources in accordance with legal history.

Key word: Malaysia Agreement; Sabah; Sarawak; Legal Status-quo; Historical Issue.

Pengenalan

Semenjak kebelakangan ini, isu Perjanjian Malaysia tahun 1963 yang seterusnya akan dirujuk sebagai PM1963, menjadi perbincangan hangat di Malaysia. Isu ini merupakan satu perkara yang kompleks. Ini kerana ia bukan sahaja melibatkan pemahaman sejarah tapi juga aplikasi undang-undang yang dikaitkan dengan pandangan presentisme yang didorong oleh isu yang dimanipulasikan oleh pihak-pihak berkepentingan dalam politik semasa. Dalam konteks ini, pengupasan isu sejarah yang melibatkan tafsiran terhadap undang-undang adalah termasuk dalam sejarah undang-undang (legal history).

Secara asasnya, sejarah undang-undang itu sebenarnya merupakan salah satu cabang dalam pengajian sejarah. Namun begitu, perbincangan terhadap aspek undang-undang dalam pengajian sejarah juga memperlihatkan masalah pertentangan di antara pengajian undang-undang dan disiplin sejarah itu sendiri. Pertentangan ini sebagaimana yang disebut oleh oleh Richard J. Evans, seorang sejarawan, terletak kepada kemungkinan keselesaan yang memihak kepada pengajian undang-undang dalam manipulasi dan kecenderungan tafsiran terhadap bukti-bukti bagi menegakkan sesuatu pandangan dan pendirian berbanding dengan disiplin sejarah.¹ Walaupun pendapat beliau mungkin dipertikaikan oleh para sarjana dan pengamal undang-undang, ia juga mempunyai nilai praktikalitinya apabila kewibawaan beliau terbukti dengan perlantikan beliau sebagai ketua khidmat kepakaran akademik bagi pihak pembela yang memenangi satu kes berkenaan isu sejarah di Mahkamah Tinggi di London pada tahun 2000.²

Sebenarnya, kerancakan dalam perbincangan dan perbahasan berkenaan PM1963 ini telah dirangsang oleh kemunculan saluran media sosial di internet berbanding dengan bahan-bahan ilmiah tradisional seperti buku, jurnal dan disertasi kesarjanaaan. Satu kelebihan utama yang terdapat dalam saluran media ini ialah ia sekarang dapat dilungsuri melalui laman sesawang, facebook dan blog. Fenomena ini telah berkembang dengan meluas semenjak dekad pertama abad ke-21 apabila ia telah muncul sebagai satu media utama bagi hamper keseluruhan maklumat yang disampaikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Ini ditambah lagi dengan kemunculan kecanggihan alat komunikasi telefon

pintar (smartphone) yang membolehkan hamper keseluruhan maklumat dapat dilungsuri oleh para pembaca secara mudah dan pantas tanpa batasan sempadan masa.

Berdasarkan kepada sumber maklumat yang disalurkan ketika ini, dapat diperhatikan bahawa maklumat berkenaan PM1963 ini dapat dilungsuri secara lebih meluas dalam laman sosial atas talian terutama sekali facebook dan blog berbanding dengan bacaan ilmiah tradisional. Ia juga dapat menarik bilangan pembaca yang jauh lebih ramai berbanding dengan media arus perdana tradisional seperti surat khabar dan majalah yang telah mendominasi sumber penajaan maklumat dalam masyarakat sebelum ini. Dalam konteks ini juga, dapat diperhatikan bahawa penulisan yang berhubung dengan PM1963 ini lebih bersifat eksklusif dan mendalam dalam laman sosial atas talian ini berbanding dengan media dan bahan bacaan ilmiah tradisional. Di antara laman sosial yang mengutarakan PM1963 ini secara eksklusif ialah:

1. <http://www.sabahsarawakmerdeka.com>, 16 September 2015;
2. mosiktimes.blogspot.com, 21 September 2014;
3. justinblogforsabah.blogspot.com, 9 Jun 2014;
4. aspanaliasnet.blogspot.com, 23 Oktober 2013;
5. dialograkyat.blogspot.com, 15 Jun 2014, 7 Mei 2017, 12 Jun 2017.

Berdasarkan kepada senarai laman sosial terpilih ini, dapat diperhatikan bahawa laman sosial; pertama iaitu <http://www.sabahsarawakmerdeka.com>, merupakan milik Badan Bukan Kerajaan (NGO) Sabah Sarawak Union-United Kingdom yang berpusat di United Kingdom. Laman sosial kedua dan ketiga pula dimiliki oleh penulis dari Borneo. Adalah dipercayai ketiga-tiga laman tersebut mempunyai kaitan dengan satu sama lain. Manakala laman sosial keempat dan kelima dimiliki oleh individu dan pihak yang bertapak di Semenanjung. Namun begitu, keseluruhan isi perbincangannya lebih memihak kepada sudut pandangan Sabah dan Sarawak yang disandarkan kepada rasa tidak puas hati terhadap pihak Kerajaan Persekutuan yang dilabelkan sebagai Malaya seperti yang dimanifestasikan dalam <http://www.sabahsarawakmerdeka.com>, [mosiktimes](http://mosiktimes.blogspot.com) dan [justinblogforsabah](http://justinblogforsabah.blogspot.com). Blog Aspan Alias dan Dialog Rakyat pula lebih mengutarakan pandangan yang mengkritik dasar dan tindakan pihak Kerajaan Persekutuan yang kurang memihak kepada Sabah dan Sarawak.

Walaupun dikatakan penulisan sedemikian tidak bersifat ilmiah seperti yang terdapat dalam jurnal berwasit, buku dan tesis kesarjanaan, didapati pendapat yang dikemukakan oleh mereka adalah sangat eksklusif terutama sekali yang terdapat dalam satu catatan yang dimuatkan dalam laman sesawang <http://www.sabahsarawakmerdeka.com> yang dikendalikan oleh Sabah Sarawak Keluar Malaysia (yang seterusnya akan dirujuk sebagai SSKM). Sudut pandangan yang dikemukakan dalam laman sosial ini juga dilihat mempunyai kerencamannya yang tersendiri kerana ia mengutarakan persoalan-persoalan yang mencabar kefahaman sejarah yang dikaitkan dengan isu undang-undang yang bersabit dengan status-quo penyertaan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia pada tahun 1963. Didapati juga sudut pandangan mereka telah mendapat perhatian dan penerimaan dalam kalangan individu yang berpendidikan tinggi seperti pengamal undang-undang, ahli akademik, aktivis politik dan individu-individu yang melibatkan dan badan bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai motifkan politik.

Sehubungan dengan itu, makalah ini akan memberikan tumpuan terhadap sudut pandangan yang terdapat dalam Tinjauan Terhadap Isu Sejarah dalam laman sesawang SSKM dengan merujuk kepada isu PM1963 dari perspektif sejarah yang dikaitkan dengan undang-undang. Di samping itu, makalah ini juga akan memberikan perhatian sepintas lalu kepada dua blog lagi iaitu justinblogforsabah.blogspot.com dan mosiktimes.blogspot.com yang juga memperkatakan PM1963 ini. Matlamat utama penulisan ini adalah untuk melihat sejauh manakah kebenarannya terhadap tafsiran atau sudut pandangan yang dikemukakan oleh mereka berpandukan kepada disiplin sejarah dalam membincangkan isu undang-undang yang berkaitan dengan peristiwa sejarah. Perbincangan akan dimulai dengan

tinjauan terhadap PM1963 dalam penulisan ilmiah dan isu semasa. Ia kemudian akan dituruti dengan aspek perundangan dan konteks sejarahnya yang dikaitkan dengan PM1963 iaitu percantuman wilayah dan persoalan perundangannya, Peruntukan perlembagaan kepada Sabah dan Sarawak, dakwaan Malaysia adalah Malaya, pemisahan Singapura dan dakyah pemisahan Sabah dan Sarawak yang dikaitkan dengan retorik undang-undang berkenaannya.

PM1963 dalam Penulisan Ilmiah

Salah satu sebab utama mengapa isu PM1963 ini mendapat perhatian yang eksklusif dalam laman sosial ialah kerana ia tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dalam penulisan sejarah Malaysia. Malahan, aspek ini tidak mendapat focus dalam sukatan pengajian sejarah di peringkat sekolah terutama sekali sekolah menengah dan pra-universiti. Hal ini perlu diberi perhatian yang eksklusif memandangkan kepentingannya dalam sejarah pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Perjanjian ini mempunyai nilai sentimentalnya yang tinggi terutama sekali dalam kalangan pemimpin dan rakyat Sabah dan Sarawak dan ia telah diabaikan dalam sukatan pelajaran sejarah pembentukan negara. Setakat ini, kebanyakan penulisan sejarah yang dihasilkan lebih menumpukan kepada sejarah penubuhan Malaysia itu sendiri dan tiada seorang sejarawan yang memberikan perhatian khusus kepada PM1963 itu sendiri. Kepentingan perjanjian ini adalah perlu diperakui kerana ia melibatkan isu-isu perundangan yang dikaitkan dengan penubuhan Malaysia pada tahun 1963 dan kedudukan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia. Isu ini masih menjadi satu perkara yang mendominasi perdebatan politik di Malaysia sehingga ke hari ini. Malahan boleh dikatakan bahawa kepentingan perjanjian ini dari sudut sejarah telah diabaikan kerana tiada terdapat satu tajuk kecil berkenaan perjanjian ini yang ditulis oleh para sejarawan yang membuat kajian tentang penubuhan Malaysia. Secara umumnya, para sejarawan selama ini lebih berminat membincangkan proses perkembangan politik yang berkenaan dengannya dalam konteks sejarah pada ketika itu.³ Selanjutnya, terdapat juga para sarjana yang lebih cenderung melihat perkara ini dari sudut politik antarabangsa yang dikaitkan dengan fenomena perang dingin dan dasar luar Malaysia pada ketika itu.⁴

Selanjutnya, tanggapan terhadap perkara ini sering dikaitkan dengan perspektif presentisme yang dikemukakan oleh sarjana dalam bidang undang-undang perlembagaan dan sains politik. Pandangan ini cuba mengetengahkan aspek undang-undang yang mencabar pemahaman sejarah tentang kedudukan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia yang disifatkan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan konteks sejarah pada masa penubuhan Malaysia itu sendiri. Status-quo ini dilihat sebagai tidak adil kepada pihak Sabah dan Sarawak dan lebih memihak kepada Semenanjung Malaysia, yang seterusnya akan dirujuk sebagai Semenanjung sahaja.⁵

PM1963 dan Isu Semasa

Kelompangan dalam penulisan ilmiah yang membicarakan PM1963 selama ini telah membuka ruang yang luas kepada pengkritik politik yang memperjuangkan kepentingan Sabah dan Sarawak bagi memanipulasikan keadaan yang dikatakan tidak menepati inspirasi perjanjian tersebut. Ini kerana golongan pengkritik ini merasakan bahawa kebanyakan peruntukan yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian tersebut masih tidak di beri perhatian yang sewajarnya oleh pihak Semenanjung. Mereka menuntut supaya hak dan bidang kuasa yang sepatutnya dipegang oleh kerajaan negeri dipulangkan kepada kedua-dua negeri itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian tersebut yang masih dikawal oleh pihak Persekutuan. Dikatakan pandangan kritikan golongan ini juga mendapat sokongan dari para pemimpin Sabah dan Sarawak dari kerajaan pemerintah Barisan Nasional di peringkat negeri dan persekutuan.⁶

Golongan pengkritik ini juga mendakwa pihak Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional telah melakukan banyak tindakan yang dianggap tidak menghormati perjanjian

tersebut dengan menafikan bidang kuasa negeri termasuklah dalam bidang percukaian.⁷ Oleh kerana isu ini sering dimainkan oleh para pengkritik ini, ia juga telah menarik perhatian pemimpin politik dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung untuk mengkaji semula perjanjian ini. Ia seolah-olah telah sampai kemuncaknya apabila Pihak Kerajaan Sarawak sendiri telah memutuskan untuk menghantar satu rombongan yang dianggotai oleh para peguam ke London untuk meneliti segala dokumentasi berkenaan perjanjian ini.⁸ Ketua Menteri Sarawak, Abang Johari Abang Openg menjelaskan bahawa ia bertujuan untuk mendapat maklumat-maklumat yang lengkap berkenaan perkara-perkara yang termaktub dalam perjanjian tersebut. Ini akan membolehkan Kerajaan Sarawak dapat membuat persiapan bagi berunding dengan Kerajaan Persekutuan bagi pemindahan kuasa kepada kerajaan negeri berdasarkan kepada peruntukan perjanjian tersebut. Beliau juga menegaskan bahawa ia adalah semata-mata untuk perundingan dan bukan untuk keluar dari Malaysia.⁹

Penegasan yang dinyatakan oleh Ketua Menteri Sarawak ini sebenarnya menggambarkan pendapat bahawa Sabah dan Sarawak mempunyai kedudukan yang sama taraf dengan keseluruhan Semenanjung dan kedua-dua negeri tersebut mempunyai kedudukan dan taraf yang lebih tinggi dari negeri-negeri di Semenanjung. Pendapat sedemikian mendakwa bahawa keunggulan ini dimanifestasikan lagi dengan kuasa autonomi yang seharusnya dimiliki oleh kedua-dua negeri tersebut sebagaimana yang termaktug dalam perjanjian tersebut. Malahan, ia juga dikaitkan lagi dengan pendapat bahawa terdapat satu lagi perjanjian yang disebut sebagai Perjanjian 20 Perkara di Sabah dan 18 Perkara di Sarawak yang perlu dihormati dan dipatuhi oleh Kerajaan Persekutuan. Pendapat inilah yang merupakan intipati asas yang diketengahkan oleh gerakan Sabah Sarawak Keluar Malaysia (SSKM),¹⁰ yang akan dibincangkan secara khusus dalam makalah ini. Walaupun kebenaran pendapat dan dakwaan sedemikian boleh dipersoalkan, ia tetap dimanipulasikan oleh pengkritik di Semenanjung yang mengambil kesempatan untuk mengkritik kepimpinan Negara masa kini yang dikatakan lemah dan gagal mengawal kestabilan politik Negara.¹¹

Sementara itu, penulisan yang membincangkan PM1963 telah dikemukakan oleh SSKM yang diterajui oleh Doris Jones yang bermula dengan menggunakan laman social facebook. Namun begitu, gerakan ini kemudiannya telah memperluaskan lagi propaganda dalam laman sesawang yang boleh dicapai melalui pencarian google. SSKM juga telah memasukkan maklumat berkenaan dengan gerakan Sabah Sarawak Keluar Malaysia dalam Wikipedia yang lazimnya dirujuk oleh pembaca awam. Justeru, carian melalui Wikipedia ini tidak boleh diketepikan kerana ia merupakan sumber rujukan yang sangat mudah dicapai dengan pantas dalam alam maya walaupun ia dianggap sebagai bukan ilmiah oleh para ahli akademik.

Isu Percantuman Wilayah dan Persoalan Perundangan

Dengan merujuk kepada fasal pertama dalam PM1963, SSKM membuat kenyataan asas bahawa "Didalam kefahaman pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu melalui Artikel I (Pertama) ini, ia menampakkan maksud bahawa ia seolah-olah adalah satu Persekutuan yang "Sama Taraf" dan sebagai "Rakan Kongsi".¹² Seterusnya, mereka mendakwa bahawa percantuman wilayah Borneo dengan Malaya adalah menurut kerangka rakan kongsi sebagaimana yang telah dipersetujui oleh kepimpinan Malaya yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman selaku Perdana Menteri Malaya dengan para pemimpin dari Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak ketika rancangan penubuhan Malaysia ini dikemukakan. Tunku juga telah menegaskan bahawa penubuhan persekutuan Malaysia itu bukanlah merupakan satu penjajahan baru (Neo-kolonialisme) dan penyertaan kedua-dua buah wilayah Borneo itu ke dalam Persekutuan baru itu nanti akan mempercepatkan lagi kemerdekaan dua wilayah tersebut.

Bearasaskan kepada kenyataan ini, SSKM bertegas bahawa taraf Sabah dan Sarawak adalah menyamai taraf Malaya dan bukan sekadar dua buah negeri dalam Persekutuan

Malaysia. Kenyataan mereka diperkuatkan lagi dengan penyertaan gambar lima Jata Negara yang mewakili pihak yang terlibat ketika menanda tangani PM1963, iaitu Britain, Malaya, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura.¹³ Versi ini juga dijadikan rujukan oleh SSKM dan telah dimasukkan sebagai lampiran yang boleh dicapai dalam laman sesawang mereka. Malah mereka telah mengambil langkah yang lebih mesra pembaca dengan menterjemahkan PM1963 yang mengandungi 11 perkara ke dalam bahasa Melayu. Versi terjemahan ini sebenarnya tidak begitu menimbulkan masalah yang boleh memperlihatkan makna yang bertentangan dengan versi bahasa Inggeris tapi ia memperlihatkan implikasi terhadap tafsiran mereka terhadap perjanjian tersebut.

Sebenarnya, suara dan pendapat SSKM ini bukanlah suara yang terpencil. Ia tampaknya mendapat sambutan dari beberapa penulis Blog sebelum itu yang mengutarakan nada dan pendapat yang sama. Di antara pandangan yang dikemukakan oleh penulis justinblogforsabah.blogspot.com adalah seperti berikut: "Konsep asal pembentukan Malaysia adalah sebagai rakan kongsi yang sama taraf. Ini bermakna Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak tidak sekali-kali sama taraf dengan negeri-negeri lain di bawah Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) iaitu seperti Kelantan, Selangor, Perlis, Pulau Pinang dan sebagainya. Hal ini sering kali dinyatakan oleh Tunku dan pemimpin British yang telah menyakinkan pemimpin Borneo Utara (Sabah) bahawa haknya atau identitinya terus terpelihara."¹⁴ Motif kedua-dua penulisan ialah untuk menyebarkan propaganda supaya Sabah dan Sarawak keluar dari Persekutuan Malaysia sebagai negara yang merdeka secara bersendirian kerana konsep 'rakan kongsi' tidak dihormati oleh pihak Semenanjung.

Namun, apa yang menjadi persoalan di sini ialah terma 'rakan Kongsi' yang sebenarnya berasal dari perkataan 'equal partners' yang digunakan dalam mesyuarat Jawatan Kuasa Komanwel (Commonwealth Committee Meeting) dan Majlis Perundingan Malaysia (Malaysian Consultative Council). Dari awal lagi, proses perundingan ini menyatakan dengan jelas bahawa 'equal partners' ini merujuk kepada kesamaan taraf wilayah Borneo sebagai 15 buah negeri yang akan termasuk dalam Persekutuan Malaysia yang merangkumi 11 negeri di Semenanjung, tiga wilayah Borneo dan Singapura.¹⁵ Status-quo ini diperkuatkan lagi dengan istilah 'partnership' yang diaplikasikan oleh Suruhanjaya *Cobbold* yang memberi makna terma penyertaan Borneo Utara dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia sebagai dua buah negeri tetapi mempunyai jaminan perlembagaan dan kuasa autonomi yang lebih berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.¹⁶ Status-quo percantuman dua buah wilayah tersebut dengan Malaya yang berdasarkan konsep persekutuan ini telah menjadi asas kepada formula yang diaplikasikan oleh laporan *Inter-Governmental Committee* (IGC) atau Jawatan Kuasa Antara Kerajaan yang juga merupakan dasar Britain terhadap Gagasan Malaysia pada ketika itu. Setelah dua minggu Jawatan kuasa itu mula menjalankan tugas mereka di Borneo pada bulan Ogos 1962, Lord Lansdowne selaku pengerusi IGC percaya pihak Malaya telah menerima konsep tersebut untuk diaplikasikan kepada percantuman dua wilayah Borneo dengan Malaya berdasarkan cadangan Suruhanjaya *Cobbold*.¹⁷ Formula dan kerangka ini kemudiannya telah diwartakan seperti mana yang tertera dalam PM1963.

Maka, apabila SSKM mengaplikasikan terma 'rakan kongsi' kepada perjanjian ini, pandangan mereka yang mentafsirkan lima pihak yang menanda tangani PM1963 itu ialah lima buah negara hanyalah satu kenyataan literal yang tidak mengambil konteks keseluruhan perjanjian tersebut. Ini kerana mereka gagal memahami bahawa perjanjian ini sebenarnya ditanda tangani oleh dua pihak utama iaitu Britain dan Malaya, dan kehadiran penyertaan Borneo Utara, Sarawak dan Singapura adalah di bawah bidang kuasa Britain. Oleh kerana Borneo Utara dan Sarawak merupakan dua tanah jajahan yang ditadbir oleh Britain secara berasingan dan Singapura pula merupakan negeri naungan, ketiga-tiga entity ini tidak mempunyai status Negara yang sebenarnya merujuk kepada 'nation' dalam bahasa Inggeris. Disebabkan perjanjian ini akan membawa kepada pemindahan kedaulatan di peringkat antarabangsa, ia perlu ditanda tangani mengikut status-quo lima entity tersebut

pada ketika itu supaya ia boleh mendapat pengiktirafan dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Oleh yang demikian, status-quo yang diaplikasikan ketika menanda tangani PM1963 dengan jelas menunjukkan kedua-dua wilayah tersebut yang masih bertaraf tanah jajahan ketika itu akan dimasukkan bersama dengan negeri-negeri yang sedia ada dalam persekutuan Malaya berdasarkan kepada kerangka perlembagaan yang telah dipersetujui dalam perjanjian tersebut.¹⁸

Ini bermakna taraf kedua-dua wilayah tersebut yang akan dimasukkan ke dalam Persekutuan Malaysia adalah sama taraf dengan taraf negeri-negeri di Semenanjung menurut kerangka perlembagaan yang dipersetujui, iaitu Perlembagaan Persekutuan Malaya yang akan dipinda menjadi Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Keseluruhan PM1963 yang disertai dengan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Lampiran A), Perlembagaan Negeri Sabah (Lampiran B) dan Perlembagaan Negeri Sarawak (Lampiran C) medefinisikan kedua-dua wilayah tersebut sebagai Negeri-Negeri Malaysia (States of Malaysia) apabila menyertai Persekutuan Malaysia. Malahan perkataan 'negara' yang digunakan dalam Perlembagaan Sabah juga sebenarnya membawa erti 'negeri'. Malahan, perlu difahami di sini status-quo Sabah dan Sarawak sebagai negeri ini merujuk kepada bebas dari status tanah jajahan dan hanya akan berkuat kuasa pada hari Malaysia.¹⁹ Ia juga bermakna Perlembagaan kedua-dua negeri tersebut yang dilampirkan dalam PM1963 hanya boleh berkuat kuasa dari segi undang-undang perlembagaan pada hari Malaysia.

Seterusnya, SSKM juga telah terkhilaf apabila menyatakan bahawa terdapat perbezaan di mana Perkataan 'State' di mana huruf besar 'S' yang diguna pakai kepada Sabah dan Sarawak berbeza dengan perkataan 'states' yang dieja dengan huruf kecil 's' diguna pakai kepada negeri-negeri lain di Semenanjung. Mereka menegaskan bahawa taraf Negara perlu diaplikasikan kepada Sabah dan Sarawak kerana perkataan 'State' yang diguna pakai kepada dua negeri tersebut diejakan dengan 'S' bukannya 's' seperti mana yang diguna pakai ke atas negeri-negeri lain di Semenanjung. Mereka mendakwa huruf 'S' di sini menunjukkan taraf yang lebih tinggi yang diiktiraf ke atas Sabah dan Sarawak berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung yang hanya dieja dengan huruf 's'.²⁰ Namun, apa yang dapat diperhatikan bahawa perkataan 'States of Malaysia' itu sebenarnya dieja dengan huruf besar 'S' secara seragam dalam keseluruhan PM1963 dan lampirannya.²¹

Secara mutlakny, adalah sukar bagi mereka mengemukakan sebarang bukti literal bagi menyokong dakwaan tentang status 'rakan kongsi' seperti yang mereka maksudkan. Ini kerana secara literalnya tiada terdapat sebarang perkataan dalam PM1963 mahupun kesemua lampiran yang disertakan dalam perjanjian tersebut memberikan makna 'rakan kongsi' yang akan memberikan taraf kedua-dua wilayah melebihi taraf negeri-negeri di Semenanjung mahupun menyamai taraf keseluruhan entity Semenanjung itu sendiri. Malahan tafsiran mereka didapati bercanggah dengan makna literal fasal pertama dalam PM1963 yang diterjemahkan oleh mereka sendiri seperti Berikut: "Tanah Jajahan Borneo Utara dan Sarawak dan Negeri Singapura akan disekutukan dengan Negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu sedia ada sebagai Negeri Sabah, Sarawak dan Singapura mengikut surat cara Perlembagaan yang dilampirkan kepada Perjanjian ini dan Persekutuan ini hendaklah selepas ini dinamakan "Malaysia"²²

Isu Peruntukan Perlembagaan kepada Sabah dan Sarawak

Namun demikian, pihak persekutuan tidak boleh mengenyepikan sama sekali hujah SSKM yang memperjuangkan konsep 'rakan kongsi' ini kerana ia ternyata mendapat sokongan dalam kalangan pemimpin Sabah dan Sarawak termasuk dari komponen Barisan Nasional sendiri. Konsep 'rakan kongsi' di sini merujuk kepada peruntukan tambahan yang termaktub dalam Laporan IGC yang masih dianggap oleh kepimpinan dan rakyat Sabah dan Sarawak sebagai hak mereka yang belum cukup ditunaikan oleh kerajaan Persekutuan. Sentimen ini juga dirasakan oleh Parti Bersatu Sabah yang merupakan salah satu komponen Barisan Nasional di Sabah.²³

Sentimen ini telah dimanifestasikan oleh SSKM yang bersandarkan kepada fasal kelapan PM1963 yang diterjemahkan oleh mereka seperti berikut: "Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara dan Sarawak akan mengambil apa-apa tindakan perundangan, eksekutif atau tindakan lain sebagaimana yang diperlukan bagi melaksanakan jaminan, atau janji dan syor yang terkandung dalam Bab 3, dan Lampiran A dan B Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan yang ditandatangani pada 27 hari bulan Februari 1963, selagi ia tidak dilaksanakan melalui peruntukan nyata Perlembagaan Malaysia".²⁴

Secara teknikalnya, peruntukan perlembagaan kepada dua negeri Borneo itu adalah merujuk kepada laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan yang mempunyai Jawatankuasa kecil Perlembagaan di dalamnya. Jawatankuasa ini telah mengadakan siri mesyuarat dengan para pemimpin di kedua-dua wilayah Borneo dari bulan Oktober hingga Disember 1962. Akhirnya, laporan jawatankuasa tersebut telah disiapkan pada 27 Februari 1963. Ia kemudiannya telah diterima dan disahkan oleh Majlis Negeri Sarawak pada 8 Mac 1963 dan Majlis Perundangan Borneo Utara pada 13 Mac 1963 yang membolehkan laporan itu diwartakan. Laporan ini memperuntukkan hak autonomi yang merangkumi 14 Perkara dan akan dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Di antara provisi yang memberikan hak keistimewaan kepada wilayah Borneo ialah dalam bidang pelajaran, bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi negeri, kedudukan Islam yang tidak dijadikan agama rasmi negeri, Borneonisasi dalam perkhidmatan awam, kuasa autonomi bagi imigresen dan kuasa autonomi dalam menguruskan kewangan dan percukaian. Saranan hak autonomi yang diberikan kepada kedua-dua buah wilayah ini akan meletakkannya lebih istimewa dari negeri-negeri lain di Tanah Melayu.²⁵

Walau bagaimana pun, sehingga ke peringkat tersebut, segala provisi yang terkandung dalam laporan ini belum lagi bersifat muktamad. Kesemua saranan yang terdapat dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan tersebut merupakan asas kepada kesemua peruntukan yang kemudiannya telah dimasukkan dalam PM1963 sebagaimana yang ditandatangani oleh perwakilan dari Britain, Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara dan Sarawak di London pada 9 Julai 1963. Sebagaimana yang termaktub dalam fasal VIII dalam PM1963, ia dengan jelas menyebut bahawa kerajaan Tanah Melayu, Borneo Utara dan Sarawak akan mengambil tindakan berbentuk perundangan dan eksekutif atau lainnya bagi melaksanakan semua jaminan, tanggungjawab dan cadangan yang terkandung dalam bab 3 dan Lampiran A dan B kepada Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan yang mana perkara-perkara tersebut tidak dilaksanakan oleh provisi yang dimaksudkan oleh Perlembagaan Malaysia. Oleh yang demikian, sebagai langkah pertama, segala cadangan tersebut telah dimasukkan sebagai Lampiran A dalam PM1963 iaitu Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan Malaysia.²⁶

Seterusnya, perkara-perkara tambahan yang melibatkan kemasukan kedua-dua negeri tersebut telah dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia melalui pengubalan artikel baru iaitu Artikel 160, 161 dan juga tambahan pada artikel sebelumnya seperti Artikel 95, 112, 153, dan Jadual 9 Senarai II. Kesemua artikel tersebut mengandungi hak autonomi yang diperuntukkan kepada kedua-dua negeri tersebut yang tidak terdapat kepada negeri-negeri lain di Semenanjung. Di antaranya ialah tentang undang-undang tanah yang berlainan yang merujuk kepada Tanah Adat Bumiputera, kedudukan Agama Islam yang tidak menjadi agama rasmi, penerusan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran dan pendidikan bagi tempoh peralihan selepas merdeka, pemberian keutamaan kepada penduduk Borneo untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditinggalkan oleh pegawai-pegawai British tamat perkhidmatan dan hal imigresen yang berkaitan dengan hak kerajaan negeri dalam memberikan kebenaran kepada sesiapa dari Semenanjung yang masuk ke dua negeri tersebut.²⁷

Malaysia adalah Malaya

Seterusnya, SSKM telah memanipulasikan status-quo Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang merupakan pindaan kepada Perlembagaan Malaya 1957. Mereka menyatakan bahawa 'malaysia adalah Malaya dan Malaya adalah Malaysia' dengan merujuk kepada kenyataan Peguam Negara bahawa Persekutuan Malaysia bukanlah persekutuan baru.²⁸ Perkara ini sebenarnya berbangkit kerana terdapat tentangan dari Sultan Kelantan ketika itu yang mempersoalkan legitamasi Perlembagaan Malaysia yang dikatakan merupakan perlembagaan baru dan perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu yang merupakan ketua bagi Sembilan negeri di Semenanjung. Namun begitu, dakwaan ini telah dijelaskan oleh Peguam Negara ketika itu dengan menyatakan bahawa PM1963 memperuntukkan penggubalan Perlembagaan Malaysia melalui prosedur pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Proses pindaan ini dilakukan melalui Akta Malaysia 1963 (No. 26) yang akan berkuatkuasa padah hari Malaysia.²⁹

Sehubungan dengan itu, prosedur pindaan ini dilakukan berdasarkan kepada dua sebab. Pertama, prosedur pindaan ini dilakukan bagi memasukkan Borneo Utara, Sarawak dan Singapura ke dalam Persekutuan Malaysia. Kedua, bagi memenuhi tuntutan perlembagaan Tanah Melayu yang perlu dipinda kerana melibatkan hak dan kedudukan raja-raja Melayu sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 38 dan 153 Perlembagaan Tanah Melayu.³⁰ Oleh yang demikian, penjelasan perundangan bahawa Perlembagaan Malaysia bukanlah perlembagaan Baru adalah perlu bagi mengelakkan krisis perlembagaan di Semenanjung itu sendiri. Tapi, kerangka ini bukanlah menjadi satu perkara rahsia dalam kalangan para pemimpin Dari Borneo Utara dan Sarawak yang terlibat dalam rundingan Gagasan Malaysia sejak dari awal. Malahan ketika isu itu dibangkitkan oleh Sultan Kelantan, formula percantuman dua wilayah tersebut dengan Malaya telahpun diputuskan. Langkah ini telah memberi prospek bahawa taraf dua wilayah tersebut akan dinaik taraf dari tanah jajahan ke dua entity politik dalam sebuah Negara persekutuan yang merdeka. Persoalan taraf dua wilayah Borneo tersebut yang dikatakan menyamai taraf keseluruhan Semenanjung sudah tidak relevan lagi.

Selanjutnya pada ketika itu juga, formula percantuman dua wilayah Borneo tersebut dalam Persekutuan Malaysia adalah diiktiraf berdasarkan prosedur undang-undang antarabangsa. Formula percantuman ini adalah mengikut formula yang diguna pakai dalam Resolusi 1541 Perhimpunan Umum Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang telah diwartakan pada 15 Disember 1960.³¹ Berdasarkan tarikh pewartaan resolusi PBB Ini, secara realitinya, prosedur ini telahpun diiktiraf sebelum keputusan Laporoan Suruhanjaya Cobbold (1962) dan Laporan IGC (1963). Prinsip VI dalam resolusi PBB ini menggariskan bahawa sesebuah wilayah boleh bebas dari taraf sebagai tanah jajahan dan memperoleh pemerintahan sendiri melalui tiga cara:

- (1) Muncul sebagai wilayah merdeka yang berdaulat secara bersendirian – seperti kemerdekaan Tanah Melayu sebagai Malaya pada tahun 1957 dan kemerdekaan Singapura pada tahun 1965;
- (2) Percantuman bebas dengan sesebuah negara yang merdeka – seperti penyertaan Borneo Utara dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia;
- (3) Diserapkan ke dalam sesebuah Negara merdeka – lazimnya dirujuk kepada kemasukan sesebuah wilayah ke dalam Negara yang bersifat kesatuan seperti kemasukan Wilayah Irian Barat ke Dalam Indonesia pada tahun 1962.

Walaupun perjanjian kemasukan Sabah dan Sarawak adalah berpandukan kepada formula kedua iaitu percantuman dalam sebuah persekutuan dengan Tanah Melayu sebagai dua negeri dalam Persekutuan Malaysia, percantuman ini juga perlu mematuhi prinsip VII (A)

Resolusi PBB 1541 ini yang menyatakan bahawa ia perlu dilakukan secara suka rela dan bebas dalam proses demokrasi. Prinsip ini lazimnya dikaitkan dengan Suruhanjaya Cobbold 1962 dan juga Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 14 September 1963.³²

Berdasarkan saranan Suruhanjaya Cobbold ini, satu Suruhanjaya perlembagaan iaitu Inter-Governmental Committee 1962-1963 telah dibentuk bagi mengkaji dan melaksanakan perkara-perkara berkenaan penggubalan perlembagaan yang menyerupai Suruhanjaya Reid 1957. Namun, ia perlu menurut prinsip VII (B) dalam Resolusi PBB 1541 yang menyatakan bahawa ia perlu menggubal Perlembagaan dalaman yang tidak dipengaruhi oleh elemen luar, ini diwartakan melalui Perlembagaan Negeri Sabah dan Sarawak yang dimasukkan sebagai lampiran B dan C kepada PM1963.

Sehubungan itu, pihak Britain telah memastikan bahawa prosedur ini mengikuti proses perundangan yang dapat diterima di peringkat antarabangsa. Pada ketika itu, Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963 masih belum diwartakan dan hanya bertaraf Rang Undang-undang. Ia hanya akan diwartakan menjadi Perlembagaan yang digubal pada hari Malaysia. Prosedur tersebut yang menjadikan perlembagaan persekutuan pindaan sebagai RUU ialah untuk mengelakkan unsur-unsur perlembagaan luar yang membayangi perlembagaan Sabah dan Sarawak yang akan bercanggah dengan prinsip Resolusi PBB 1541 ini.

Seterusnya, terdapat prinsip VIII dalam Resolusi PBB ini yang menyatakan bahawa percantuman ini mesti berdasarkan kepada kesamarataan di kalangan semua penduduk Negara tersebut dari segi perundangan. Oleh itu, Sabah dan Sarawak merupakan dua buah negeri yang sama dengan negeri lain dalam persekutuan. Meletakkan Sabah sebagai sama taraf dengan keseluruhan semenanjung ini akan memberikan implikasi Sabah lebih dari negeri lain dan bercanggah dengan konsep persekutuan. Namun begitu, kedudukan Sabah juga tidak boleh lebih rendah dari sebuah negeri di Semenanjung kerana ia akan melanggar konsep sama taraf ini sebagaimana yang digariskan dalam resolusi tersebut .

Sementara itu, SSKM juga telah menghubungkaitkan fasal-fasal lain dalam PM1963 dengan usaha yang dilakukan oleh kerajaan Britain dan Malaya tetapi ia masih menjurus kepada kepentingan status-quo 'rakan kongsi' yang sepatutnya dimanifestasikan dalam prosedur dan tafsiran perundangan. Tafsiran mereka lebih menjurus kepada pihak Britain dan Malaya yang tidak menghormati status-quo 'rakan kongsi' tersebut. Ini menjadikan Sabah dan Sarawak sentiasa berada dalam kedudukan yang rendah dan tidak setaraf dengan keseluruhan entity Semenanjung seperti mana yang ditafsirkan oleh mereka.

Pandangan mereka ini ditambah lagi dengan isu Kabotaj yang dilihat menindas Sabah dan Sarawak kerana polisi ini menyebabkan harga barangan di Sabah dan Sarawak lebih mahal dari Semenanjung. Ini berpunca daripada polisi tersebut yang menghendaki perkapalan antarabangsa menghantar barangan kargo ke Semenanjung terlebih dahulu sebelum diagihkan ke Sabah dan Sarawak. Oleh kerana kos pengangkutan ini menyebabkan harga barangan di Sabah dan Sarawak lebih mahal. SSKM telah mengaitkan isu ini dengan langkah Singapura yang memperjuangkan isu pasaran bersama ini sehingga menyebabkan Singapura akhirnya keluar dari Malaysia dan ia perlu dituruti oleh Sabah dan Sarawak.³³

Pemisahan Singapura dan Dakyah Pemisahan Sabah dan Sarawak

Sentimen yang dimainkan oleh SSKM ini bukanlah sesuatu yang baru. Ini kerana penulisan sejarah telah membuktikan bahawa pihak Semenanjung sebenarnya lebih memerlukan Sabah dan Sarawak dari Singapura semasa penubuhan Malaysia. Sememangnya, pemisahan 'singapura dari Malaysia pada tahun 1965 telah menimbulkan kegusaran Kerajaan Persekutuan terhadap reaksi di Sabah dan Sarawak untuk kekal dalam Persekutuan Malaysia. Di antara tokoh pentting Sabah yang dikaitkan dengan kegusaran kepimpinan pihak Persekutuan ketika itu ialah Donald Stephens yang ketika itu baru sahaja meletakkan jawatan sebagai menteri Pusat mengenai Hal Ehwal Sabah. Walaupun menafikan terlibat dalam desakan keluar dari Malaysia, beliau meminta diadakan penilaian semula terhadap kedudukan Sabah di dalam Malaysia kerana beliau menganggap pemisahan Singapura sebenarnya telah memperkuatkan kuasa Kerajaan Persekutuan ke atas Sabah.³⁴

Oleh yang demikian, SSKM telah menjadikan kemerdekaan Singapura pada tahun 1965 sebagai alat bagi mempersoalkan kesahihan PM1963 hanya semata-mata kerana Singapura juga merupakan salah satu pihak yang terlibat dalam menanda tangani perjanjian tersebut. Oleh kerana Negara Singapura telah tidak berada dalam Persekutuan Malaysia, mereka mendakwa fasal pertama, kesembilan dan kesepuluh PM1963 telah menjadi tidak berkaitan. Mereka mendakwa Perjanjian Malaysia 1963 seharusnya terbatal dengan pemisahan Singapura pada 9 Ogos 1965. Mereka mengaplikasikan dakwaan mereka dengan merujuk fasal-fasal tersebut yang melibatkan Singapura tapi ia telah menjadikan perjanjian itu tidak sah lagi apabila Singapura dipisahkan dari Malaysia. Mereka berpandangan bahawa pemisahan itu berlaku tanpa persetujuan semua pihak termasuk tanpa rundingan dengan Sabah dan Sarawak.³⁵ Catatan SSKM ini sebenarnya telah pun diutarakan sebelum itu dalam justinblogforsabah.blogspot.com seperti berikut: "Dan selepas Singapura dikeluarkan dari Persekutuan Malaysia oleh Malaya tanpa pengetahuan dan persetujuan Sabah dan Sarawak pada 1965, maka Perjanjian Malaysia 1963 itu sebenarnya sudah tidak sah dan terbatal dengan sendirinya!".³⁶ Malahan Sebenarnya, idea ini juga telah lama wujud sejurus pemisahan Singapura. Pada ketika itu, telah kedengaran desakan supaya PM1963 dimansuhkan.³⁷

Perlu difahami di sini, desakan membatalkan PM1963 merupakan satu idea yang tidak berpijak di atas kerangka undang-undang dan perkembangan sejarah pada ketika itu. Perbincangan berkenaan pemisahan Singapura dan implikasi undang-undang dari peristiwa tersebut memerlukan kefahaman undang-undang perlembagaan itu sendiri., Sememangnya peristiwa ini mempunyai legalitinya sebagai satu precedence dalam konteks pemisahan. Namun demikian, ia sebenarnya berkait dengan implikasi kepada perlembagaan itu sendiri dan bukannya PM1963. Proses pemisahan Singapura telah dilakukan mengikut saluran perlembagaan dan tidak membawa sebarang implikasi yang memberi kesan kepada pembatalan atau menjejaskan keabsahan PM1963. Ketika proses pemisahan itu diusahakan, tiada sebarang isu yang dibangkitkan berkenaan pindaan PM1963 yang membawa kepada penubuhan Persekutuan Malaysia sebelum itu. Malahan, pihak Singapura dan Malaysia sebenarnya telah terlibat dalam proses perundingan perlembagaan yang agak terperinci dan rumit walaupun ia mengambil masa yang sangat singkat.³⁸

Pada asasnya, reality sejarah pada ketika itu menunjukkan perundingan di antara kerajaan Persekutuan dan Singapura merupakan hal-ehwal dalaman Malaysia dan tidak melibatkan Britain walaupun ia mendapat perhatian dari pihak luar terutama sekali Britain dan Australia. Ia juga tidak melibatkan penglibatan PBB walaupun sebenarnya terdapat kesukaran bagi Malaysia dan Singapura mencapai kata sepakat tentang formula penyelesaian kepada isu politik dan undang-undang yang kompleks. Proses ini kemudiannya membawa kepada formula penyelesaian pemisahan yang bermula dengan penggubalan Rang Undang-Undang Kemerdekaan Singapura yang akhirnya membawa kepada penggubalan Akta Pemisahan Singapura tahun 1965. Ia kemudiannya diluluskan di Parlimen Malaysia pada 9 Ogos 1965.³⁹

Lantaran itu, kelulusan akta ini membawa kepada pengguguran Singapura dari senarai negeri-negeri yang berada dalam Persekutuan Malaysia yang membawa kepada pindaan perkara 1 (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia pada tarikh tersebut.⁴⁰ Sehubungan itu, Lee Kuan Yew selaku Perdana Menteri Singapura telah mengisytiharkan kemerdekaan Singapura sebagai sebuah republic pada hari yang sama. Prosedur ini adalah untuk membolehkan Singapura mendapat pengiktirafan sebagai sebuah Negara (Nation bukannya State) yang merdeka dan membolehkannya menjadi anggota dalam badan dunia tersebut. Prinsip dan Prosedur ini merupakan amalan tradisi yang masih diguna pakai di PBB.⁴¹

Oleh yang demikian, ia jelas menunjukkan bahawa kemerdekaan Singapura ini dari segi perundangan antarabangsa tidak membatalkan atau memansuhkan PM1963. Sebaliknya, PM1963 sebenarnya masih diiktiraf kesahihannya dan masih didaftarkan di

bawah PBB walaupun akta pemisahan Singapura yang membawa kepada kemerdekaan Singapura telah didaftarkan dengan PBB pada tahun 1966.⁴² Pemisahan ini hanya bermakna bahawa Singapura sudah tidak tertakluk kepada PM1963 dan keadaan ini tidak membawa kepada perubahan status-quo yang boleh membatalkan atau memansuhkan perjanjian tersebut. Malahan berdasarkan kepada rekod PBB, versi PM1963 yang asal masih lagi diiktiraf dan didepositkan dalam PBB pada 1970 walaupun Singapura telah berpisah dari Malaysia pada tahun 1965. Ini menunjukkan bahawa seruan pembatalan dan pemansuhan PM1963 yang dikaitkan dengan pemisahan Singapura pada tahun 1965 itu tidak berasas sama sekali. Ia juga memperlihatkan kekhilafan mereka yang terlibat dalam persoalan undang-undang apabila mengutarakan pandangan sedemikian yang tidak menepati konteks sejarah dan aplikasi undang-undang itu sendiri.

PM1963 dan Retorik Undang-undang

Rentetan daripada kekeliruan tersebut, SSKM meneruskan propaganda mereka dengan hujah-hujah yang bersifat retorik kosong yang kononnya dikaitkan dengan aspek undang-undang. Mereka telah mendakwa PM1963 tidak sah berdasarkan empat fasal perjanjian tersebut yang mereka sifatkan sebagai TIDAK DIPATUHI, TIDAK DIHORMATI, TELAH DILANGGARI dan SUDAH TIDAK BERKAITAN. Pandangan Mereka ini sebenarnya bersandarkan kepada pendapat seorang peguam bernama Robert Pei yang menyatakan bahawa PM1963 sebenarnya tidak sah sejak dari awal lagi seperti kenyataan berikut:

"Perjanjian ini telah ditandatangani oleh pihak yang tidak mempunyai status kelayakan yang setaraf dengan Kerajaan Malaya. Beliau (Robert Pei) merujuk kepada Kerajaan Negara North Borneo (Sabah), Kerajaan Negara Sarawak dan Kerajaan Negara Singapura kerana pada waktu tersebut, Negara-negara ini masih lagi berstatus sebagai "Tanah Jajahan Makhota" dan belum mencapai Kemerdekaan. Perjanjian Antarabangsa mewajibkan bahawa "Penandatanganan" mesti memiliki status yang sama dengan pihak lain yang bersama-sama menandatangani Perjanjian Antarabangsa untuk mana-mana dokumen rasmi. Dalam konteks ini, ia merujuk kepada Dokumen Perjanjian Malaysia."⁴³

Sebenarnya idea SSKM ini telah diubah suai dari satu catatan seorang penulis blog, Daniel Jebon Janaun yang juga telah merujuk kepada peguam Robert Pei seperti berikut: "Perjanjian penyatuan Malaya, Sarawak dan Sabah sebagai satu negara melanggar tatacara undang-undang antarabangsa, yang menyatakan hanya negara merdeka boleh menyertai perjanjian antarabangsa; Perjanjian Malaysia 1963 tidak ditandatangani antara lima negara merdeka dan berdaulat, namun disertai antara dua negara bebas, iaitu United Kingdom dan Persekutuan Tanah Melayu (yang sudah merdeka pada ketika itu) – dengan negara separuh koloni Singapura dan dua koloni Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak.; Lima individu yang terlibat menandatangani Perjanjian Malaysia 1963 untuk Sarawak – P.E.H Pike, T Jugah, Abang Haji Mustapha, Ling Beng Siew dan Abang Haji Openg – tidak mempunyai mandat rakyat Sarawak kerana Sarawak masih lagi menjadi koloni tanpa wakil kerajaan."⁴⁴

Malangnya, didapati kedua-dua catatan ini terutama sekali SSKM ini tidak mempunyai kesinambungan idea berkenaan isu yang dikemukakan oleh mereka sendiri. Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, SSKM telah memulakan hujah dengan menonjolkan legitamasi Singapura, Sabah dan Sarawak yang merupakan tiga dari lima pihak yang menanda tangani PM1963. Mereka telah menggunakan PM1963 bagi melegitimasi tuntutan status 'rakan kongsi' dalam Persekutuan Malaysia dengan merujuk kepada status-quo sejarah pada tahun 1963. Ini bermakna mereka sama sekali tidak membangkitkan soal keabsahan ketiga-tiga pihak tersebut yang menanda tangani PM1963 pada ketika itu yang belum merdeka dan masih bertaraf negeri naungan dan tanah jajahan.

Kemudiannya, mereka telah membangkitkan isu pembatalan PM1963 apabila berlaku pemisahan Singapura pada tahun 1965. Ini bermakna mereka masih mengiktiraf keabsahan PM1963 semenjak tarikh termeterinya perjanjian itu sehingga saat pemisahan Singapura. Ini juga memberikan gambaran bahawa mereka memprakui keabsahan Singapura sebagai

pihak yang menanda tangani PM1963. Ia juga secara langsung memprakui keabsahan Sabah dan Sarawak yang menanda tangani PM1963 sejak dari awal lagi. Sehingga ke peringkat tersebut, didapati masih terdapat kesinambungan kepada pandangan mereka yang sekurang-kurangnya tidak mempersoalkan keabsahan kelayakan undang-undang tiga wilayah tersebut yang menanda tangani PM1963.

Namun demikian, dalam catatan yang sama, mereka telah menimbulkan kekalutan dalam menegakkan hujah apabila mengemukakan satu lagi dimensi yang meruntuhkan kesinambungan idea mereka sebelum itu. Mereka mendakwa bahawa ketiga-tiga pihak tersebut sebenarnya tidak layak menanda tangani PM1963. Oleh yang demikian, mereka sekarang mendakwa perjanjian itu tidak sah sejak dari awal lagi. Berdasarkan kenyataan mereka, Sabah, Sarawak dan Singapura tidak mempunyai locus standi untuk menanda tangani PM1963 kerana kedudukan tiga wilayah yang tidak mempunyai kedaulatan dan tidak sama taraf dengan Malaya. Apa yang sepatutnya dilakukan oleh mereka dari awal ialah membangkitkan isu ketidak layakan menda tantangani PM1963 tanpa memajukan tuntutan 'rakan kongsi' dan pemisahan Singapura. Ini kerana kedua-dua hujah mereka sebelum ini tidak mempunyai kaitan dan kesinambungannya dengan isu undang-undang ketiga ini. Isu ketiga ini dengan sendirinya merupakan satu retorik kosong kerana mereka mempertikaikan pengiktirafan undang-undang antarabangsa yang menerima penukaran nama Malaya kepada Malaysia dan mengiktiraf pemindahan kedaulatan tiga buah wilayah tersebut daripada Britain kepada Malaysia melalui formula percantuman tiga wilayah tersebut ke dalam persekutuan.⁴⁵

Begitu juga didapati bahawa pandangan Daniel Jebon Janaun memperlihatkan kedangkalannya kerana ia juga dimulakan dengan soal kesahihan PM1963 dengan pemisahan Singapura. Beliau juga menyatakan ketiga-tiga wilayah tersebut tidak layak menanda tangani PM1963. Ini kerana PM1963 merupakan undang-undang antarabangsa dan tidak boleh ditanda tangani oleh Sabah, Sarawak dan Singapura yang belum merdeka. Sebenarnya, idea yang menyebut PM1963 ini juga telah dikemukakan oleh seorang Professor undang-undang iaitu Andrew J. Harding, dan sarjana sains politik bernama James Chin. Mereka berdua juga menyatakan bahawa perjanjian tersebut adalah perjanjian antarabangsa kerana melibatkan Britain, Tanah Melayu dan tiga wilayah lain iaitu Borneo Utara, Sarawak dan Singapura.⁴⁶

Dari sudut literalnya, perjanjian ini merupakan perjanjian antarabangsa kerana melibatkan sekurang-kurangnya dua Negara merdeka iaitu Britain dan Tanah Melayu dan sebuah negeri naungan tapi di bawah Britain iaitu Singapura. Dalam konteks ini juga, Borneo Utara dan Sarawak masih merupakan tanah jajahan Britain dan hubungan di antara Britain dan kedua-dua wilayah tersebut adalah bersifat dalaman. Namun begitu, aspirasi perjanjian ini sebenarnya tidak bersifat antarabangsa kerana aplikasinya adalah hubungan dalaman di antara ketiga-tiga wilayah tersebut dengan Tanah Melayu melalui satu entiti bernama Malaysia. Perjanjian ini kemudiannya akan didaftarkan di bawah PBB hanya dengan tujuan untuk pengiktirafan pemindahan kedaulatan tiga wilayah tersebut oleh Britain kepada satu Negara bernama Malaysia. Malah, aplikasi hubungan domestik ketiga-tiga wilayah tersebut dengan Tanah Melayu akan lengkap apabila berlangsungnya pengisytiharan penubuhan Malaysia. Bermula dari saat itu, hubungan antarabangsa hanya akan diaplikasikan kepada hubungan Malaysia dan Britain melalui perjanjian dua hala di antara kedua-dua Negara. Ini bermakna perjanjian Malaysia ini sudah tiada kaitan lagi dengan Britain dalam undang-undang antarabangsa. Ini bermakna dimensi antarabangsa perjanjian ini telah hilang dengan berkuat kuasanya perjanjian tersebut pada hari penubuhan Persekutuan Malaysia.

Sekiranya diperhatikan dari kedua-dua pandangan ini, ternyata idea yang dikemukakan oleh SSKM sebenarnya telah diinspirasi oleh Daniel Jebon Janaun yang kelihatan lebih ekstensif dan kompleks. Sehubungan dengan itu, catatan blog Daniel Jebon Janaun akan dijadikan rujukan utama dalam persoalan Undang-undang ini. Selain daripada

hujah berkenaan Singapura tersebut, Daniel Jebon Janaun telah mengaitkan ketidakabsahan PM1963 dengan tiga undang-undang antarabangsa. Pertama, beliau membuat pernyataan kosong tanpa sebarang fakta bahawa PM1963 telah melanggar Konvensyen Vienna berkenaan Law of Treaties Customary International Law 1980.⁴⁷ Di sini, dapat diperhatikan bahawa beliau tidak memahami hubungkait PM1963 dengan konvensyen itu. Secara asasnya, konvensyen Vienna ini sebenarnya merupakan garis panduan kepada perjanjian pelbagai hala (multilateral) di peringkat antarabangsa sedangkan PM1963 hanya boleh diaplikasi kepada hal-ehwal dalaman Negara. .

Konvensyen ini menekankan Peri pentingnya pihak-pihak dalam konvensyen ini mengambil kira peranan asas sesuatu perjanjian dalam sejarah hubungan antarabangsa; mengiktiraf kepentingan yang semakin bertambah terhadap perjanjian-perjanjian sebagai satu sumber undang-undang antarabangsa dan satu cara untuk memajukan kerjasama keamanan dalam kalangan Negara-negara walau apa sekali pun terdapat kepelbagaian perlembagaan dan system social; memperakui bahawa prinsip persetujuan yang bebas dan niat baik diiktiraf sebagai nilai sejagat; keperluan menyelesaikan sebarang pertelingkahan dengan secara aman yang mematuhi prinsip keadilan dan undang-undang antarabangsa; dan, keadilan dan kewajipan yang berkaitan dengan perjanjian perlu dipelihara. Ia juga menyatakan perkara-perkara yang terkandung dalam Carta PBB seperti hak kesamarataan dan pentuan sendiri oleh rakyat; kedaulatan yang sama bagi semua Negara; tidak campur tangan dalam hal-ehwal dalaman Negara-negara; larangan menggunakan ugutan dan ketenteraan; penghormatan sejagat dan pematuhan hak kemanusiaan terhadap semua.⁴⁸

Oleh kerana PM1963 sebenarnya telah diiktiraf oleh PBB sebelum ini, ia tidak menimbulkan sebarang aspek yang boleh menimbulkan pertentangan dengan konvensyen ini. Sehubungan dengan itu, pandangan beliau yang seterusnya menyatakan PM1963 melanggar Artikel 5, United Nations Decolonization Declaration 1960 (UNDD 1960) ternyata tidak tepat. Beliau telah terkhilaf apabila Perjanjian Malaysia 1963 melanggar Artikel 5 UNDD 1960, kerana gagal memindahkan kesemua kuasa kepada rakyat dan menafikan rakyat untuk mendapat kebebasan mutlak apabila Britain dan Malaya merancang untuk memindahkan kemerdekaan koloni Borneo kepada Malaysia.⁴⁹ Sebenarnya, undang-undang yang dimaksudkan oleh beliau ialah Resolusi 1541 yang telah dibincangkan sebelum ini dan perkara kelima yang dirujuk oleh beliau menyentuh hubungan di antara pihak metropolitan iaitu penjajah dan jajahannya. Perkara yang berkaitan dengan pandangan beliau sebenarnya adalah perkara keenam resolusi ini dan telah dibincangkan sebelum ini.⁵⁰

Namun begitu, dapat diperhatikan bahawa beliau tetap tidak menerima hakikat keabsahan pemindahan kedaulatan Sabah dan Sarawak kepada Malaysia walaupun ia telah melalui tiga proses iaitu, laporan Suruhanjaya Cobbold, laporan IGC dan laporan perutusan PBB 14 September 1963. Dengan terdapatnya keputusan yang memihak kepada Gagasan Malaysia melalui laporan Perutusan PBB tersebut, ia menunjukkan bahawa PM1963 juga memenuhi prinsip-prinsip Resolusi 1541 berkenaan pemindahan kedaulatan Sabah dan Sarawak kepada Persekutuan Malaysia.

Justeru, pandangan beliau yang mendakwa bahawa Menurut UN Charter on Self-Determination, Malaya sebagai kuasa bebas, tidak mempunyai hak perundangan, mandat atau kuasa untuk mencampuri hal-ehwal Borneo (juga tidak tepat).⁵¹ Ini kerana Piagam antarabangsa yang dimaksudkan itu mengiktiraf hubungan di antara kerajaan pusat dengan wilayah-wilayah yang terdapat dalam sesebuah Negara adalah sah apabila mendapat pengiktirafan antarabangsa.⁵² Perkara berbangkit berkenaan penentuan nasib sendiri ini oleh rakyat Borneo telah diperakui dalam laporan Perutusan PBB yang akhirnya membawa kepada percantuman Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia.

Malahan, beliau juga mempertikaikan legitimasi segala proses pungutan suara yang memihak kepada Persekutuan Malaysia termasuk laporan Perutusan PBB yang melambangkan pengiktirafan badan antarabangsa tersebut. Di akhir catatan tersebut, beliau telah menyeru supaya kerajaan Sabah dan Sarawak membawa perkara ini ke

Mahkamah Keadilan Antarabangsa.⁵³ Keengganan beliau dan SSKM memperakui keabsahan keputusan pungutan suara yang dilakukan oleh Perutusan PBB dan seruan supaya isu ini dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa menunjukkan bahawa mereka tidak arif berkenaan system dan operasi undang-undang antarabangsa. Persoalan semerta yang timbul di sini ialah bagaimana pihak yang tidak menerima keputusan dan pengiktirafan PBB boleh membawa perkara yang telah diiktiraf oleh PBB ke institusi kehakiman di bawah badan dunia tersebut.

Mereka juga tidak memahami bahawa isu ini adalah masalah dalaman sesebuah Negara dan berada di luar bidang kuasa pihak Mahkamah Keadilan Antarabangsa dan PBB sendiri. Oleh yang demikian, mereka perlu menerima hakikat yang isu ini adalah berkenaan hal-ehwal dalaman Negara Malaysia dan perlu menggunakan saluran perlembagaan dan perundangan dalam Malaysia sekiranya masih mahu memperjuangkan kemerdekaan Sabah dan Sarawak. Namun begitu, mereka perlu menggunakan saluran yang betul dengan mengambil kira persoalan dan kerangka undang-undang yang sah dan bertepatan dengan konteks sejarah untuk diaplikasikan kepada situasi semasa.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada keseluruhan perbincangan, dapat dirumuskan bahawa PM1963 mempunyai kepentingannya bukan sahaja dari sudut sejarah tetapi juga undang-undang. Setakat ini ia masih tidak mendapat perhatian utama dalam penulisan ilmiah walaupun telah dibincangkan secara eksklusif dalam laman social di internet. Ia juga telah lama dijadikan isu politik dan semakin memuncak dalam politik semasa apabila kerajaan Negeri Sarawak menghantar satu pasukan peguam ke London untuk mengkaji perjanjian tersebut.

Namun begitu, isu ini sebenarnya perlu diberi perhatian serius kerana ia dimanipulasikan oleh gerakan SSKM bagi menuntut Sabah dan Sarawak keluar dari Persekutuan Malaysia. Tuntutan mereka didasarkan kepada status-quo PM1963 yang didakwa oleh mereka tidak dipatuhi oleh Kerajaan Persekutuan yang telah sekian lama menafikan hak Sabah dan Sarawak sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian tersebut. Isu ini juga telah mendapat sokongan dari beberapa pihak lain termasuk para pengkritik kerajaan dan juga segolongan ahli politik dan kepimpinan Sabah dan Sarawak dalam kalangan Barisan Nasional sendiri.

Secara asasnya, isu ini memerlukan kefahaman sejarah yang dikaitkan dengan aplikasi kepada undang-undang perlembagaan Persekutuan Malaysia dan juga undang-undang antarabangsa. Dimensi ini menjadi tumpuan utama pihak SSKM dan penulis blog yang sealiran. Isu pertama sekali dibangkitkan ialah taraf Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi sebagaimana yang ditafsirkan dalam PM1963. Ia merujuk kepada taraf kedua-dua negeri tersebut yang mereka tafsirkan sebagai menyamai taraf keseluruhan Semenanjung, bukan sekadar sama taraf dengan negeri-negeri di Semenanjung. Ini kerana mereka enggan menerima aplikasi PM1963 yang menyatakan bahawa kedua-dua negeri tersebut mempunyai kedudukan yang sama dengan negeri-negeri lain tapi mempunyai peruntukan autonomi dan hak jaminan perlembagaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian tersebut.

Secara kasarnya, dakwaan ini agak realistic walaupun ia didapati bercanggah dengan provisi-provisi yang terdapat dalam perjanjian tersebut. Sepatutnya, pihak pendesak ini hanya perlu mempertingkatkan tuntutan autonomi mereka dari semasa ke semasa berlandaskan garis panduan dalam PM1963. Kemudian, ia boleh diperjuangkan melalui perundingan. Namun demikian, dimensi ini tidak diperjuangkan secara berterusan. Sebaliknya, ia telah semakin dimanipulasikan sehingga ia tersasar dari fakta dan konteks yang sebenar. Situasi ini dapat dilihat dalam kes pemisahan Singapura yang telah diaplikasikan secara salah untuk mempertikaikan kesahihan dan membatalkan PM1963. Apa

yang sebenarnya berlaku ialah pemisahan Singapura ini dilakukan melalui proses perundangan dan pindaan perlembagaan. Desakan supaya PM1963 supaya dibatalkan atau menjadi tidak sah hanya merupakan tafsiran yang tidak berasas sama sekali kerana ia masih diiktiraf dan didepositkan dalam koleksi Undang-undang PBB pada tahun 1970, iaitu lima tahun setelah pemisahan Singapura.

Paradigma undang-undang pihak pendesak ini semakin menyimpang dan menjadi retorik kosong. Ini merujuk kepada persoalan ketidak layakan Singapura, Sabah dan Sarawak menanda tangani PM1963 mengikut prosedur Undang-undang antarabangsa kerana tiga wilayah tersebut belum mencapai kemerdekaan ketika menanda tangani perjanjian tersebut. Anehnya, idea ini dikatakan telah dibentangkan oleh seorang peguam. Ia kemudiannya dikaitkan dengan tafsiran salah dengan mendakwa bahawa PM1963 melanggar undang-undang antarabangsa seperti Konvensi Vienna 1980, Resolusi 1541 1960 dan Piagam PBB itu sendiri. Asas kedangkalan dakwaan ini tidak boleh diterima kerana PM1963 itu sebenarnya telahpun diiktiraf sebagai perjanjian yang sah dan tiada provisi ketiga-tiga undang-undang yang boleh disabitkan kepada implikasi ketidak absahan PM1963.

Sebagai menunjukkan kemuncak kedangkalan mereka dalam aspek undang-undang, mereka telah menyeru isu ini dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa yang sebenarnya tidak mempunyai bidang kuasa bagi membicarakan hal-ehwal dalaman sesebuah Negara. Ini kerana mereka tetap berpendirian PM1963 merupakan perjanjian antarabangsa dan menganggap Sabah dan Sarawak boleh membawa kes ini ke Mahkamah tersebut. Sebenarnya, mereka sepatutnya memperjuangkan kes melalui saluran undang-undang dan perlembagaan Malaysia dengan menggunakan kes pemisahan Singapura sebagai precedence. Mereka hanya menggunakan kes ini dengan mengubah suai kes tersebut untuk diaplikasikan kepada tuntutan kemerdekaan Sabah dan Sarawak. Ini kerana tiada provisi dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang menghalang tindakan tersebut asalkan ia dilakukan mengikut lunas perlembagaan dan bukannya desakan yang semata-mata dimanipulasikan atas dasar tidak puas hati.

Nota akhir

¹ Richard J. Evans, *In Defence of History*, London: Granta Books, 1997, hlm. 118.

² Richard J. Evans, *Lying about Hitler: History, Holocaust, and the David Irving Trial*, New York: Basic Books, 2001.

³ Albert Lau, 1998. *A Moment of Anguish: Singapore in Malaysia and the Politics of Disengagement*, Singapura: Times Academic Press, 1998; Nik Anuar Nik Mahmud, *Duri dalam Daging: Singapura dalam Malaysia*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 2001; Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region 1945-65*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2005; Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005; Tan Tai Yong, *Creating "Greater Malaysia" : decolonization and the politics of merger*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), 2008; Mohd bin Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016.

⁴ Matthew Jones, *Conflict and Confrontation in South East Asia, 1961-1965: Britain, the United States and the Creation of Malaysia*, Cambridge & New York: Cambridge University Press, 2001; Johan Saravanamuttu, *Malaysia's Foreign Policy, The First Fifty Years: Alignment, Neutralism, Islamism*, Singapura: ISEAS, 2010; **Sah-Hadiyatan Ismail, "Amerika Syarikat dan Konfrantasi Indonesia-Malaysia 1963-1966"** *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Jil. 43, no. 1, July 2016, hlm. 65-89.

⁵ Andrew J. Harding dan James Chin (pnyt). *50 Years of Malaysia : Federalism Revisited*, Singapura: Marshall Cavendish International (Asia) Private Limited, 2014.

⁶ "Sabah minister: PM given report on state rights, devolution of powers", *The Star Online*, 6 Mei 2017.

⁷ “Cukai pelancongan bukti Umno tidak fahami Sabah, Sarawak”, *dialograkyat.blogspot.com*, 12 Jun 2017.

⁸ “Sarawak to send lawyers to London over Malaysia Agreement rights”, *The Star Online*, 1 Julai 2017.

⁹ “Abang Johari: Sarawak will forever be part of Malaysia - The Star Online”, *The Star Online*, 23 Julai 2017.

¹⁰ Penulisan SSKM ini berjudul “Ada Apa Dengan Perjanjian Malaysia?”, 16 September 2015, <http://www.sabahsarawakmerdeka.com/2015/09/ada-apa-dengan-perjanjian-malaysia-12.html>. Rujukan kenyataan SSKM yang dirujuk ini akan diguna pakai pada keseluruhan perbincangan dalam teks tanpa merujuk kepada halaman tertentu kerana tiada nombor halaman dan nombor perenggan.

¹¹ “Perjanjian Persekutuan Malaysia: Selangor, Johor, NS dan lain-lain tidak sama statusnya dengan Sabah dan Sarawak”, *aspanaliasnet.blogspot.com*, 23 Julai 2013.

¹² SSKM, Ada Apa Dengan Perjanjian Malaysia?

¹³ UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND and FEDERATION OF MALAYA, NORTH BORNEO, SARAWAK and SINGAPORE Agreement relating to Malaysia, 9 July 1963, London, United Nations--Treaty Series No. 10760, 1970. Seterusnya, perjanjian ini dirujuk sebagai PM1963.

¹⁴ “MACAM MANA (SABAH DAN SARAWAK) KELUAR DARI MALAYSIA, SEDANGKAN SABAH (NORTH BORNEO) DAN SARAWAK TIDAK PERNAH MASUK MALAYSIA?”, 9 Jun 2014, justinblogforsabah.blogspot.com/2014_06_01_archive.html

¹⁵ Ghazali Shafie, *Ghazali Shafie's Memoir on the Formation of Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM, Siri Memoir Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998, hlm. 71-2.

¹⁶ perenggan 144, 145, 148(e) dan 150 dalam Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak, 1962, Cmnd 1794, London, 1962 (yang dirujuk sebagai Cobbold Report yang dihantar oleh Lord Cobbold kepada Harold MacMillan, Perdana Menteri Britain, 21 Jun 1963.

¹⁷ perenggan 11, Malaysia, Report of the Inter-Governmental Committee, London, 1963, dirujuk sebagai IGC Report, FO 371/169694, no. 10 dan 11, hlm. 141.

¹⁸ Fasal I, PM1963.

¹⁹ Lihat Fasal III PM1963; bab 1 Lampiran A, Bab I Lampiran B dan Bab I Lampiran C.

²⁰ SSKM, Ada Apa Dengan Perjanjian Malaysia?

²¹ Lihat frasa ‘the existing States of the Federation of Malaya’ dalam Fasal I PM1963; ‘States of the Federation’, dalam Bahagian 8, perkara 4 (1) dan ‘States of Malaya, namely, Johore, Kedah ...’ dalam Bahagian 8, perkara 4 (1) (A) Lampiran A, Malaysia Bill, PM1963.

²² SSKM, Ada Apa Dengan Perjanjian Malaysia?

²³ Sudah tiba masa semak semula Laporan IGC, Sinar Harian, 14 November 2015.

²⁴ SSKM, Ada Apa Dengan Perjanjian Malaysia?

²⁵ Ghazali Shafie, *Ghazali Shafie's Memoir on the Formation of Malaysia*, hlm. 321-7.

²⁶ Lampiran A, Malaysia Bill, PM1963.

²⁷ Syad Saleem Faruqi, *The Bedrock of Our Nation: Our Constitution*, Kuala Lumpur, 2012, hlm. 101-9.

²⁸ SSKM, Ada Apa Dengan Perjanjian Malaysia?; Idea ini juga terdapat dalam satu lagi keluaran di facebook mereka berjudul “Kenyataan RASMI SSKM-SSU(UK) Berhubung dengan Status dan Hubungkait Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) dan Kerajaan Malaysia”, 5 September 2015, www.ssuuk.com › Official Statement.

²⁹ Malaysia Act 1963 (No. 26).

³⁰ S. Jayakumar, Admission of New States - The Government of the State of Kelantan v The Government of the Federation of Malaya and Tunhu Abdul Rahman al-Haj, *Malaya Law Review*, 196, hlm. 4181.

³¹ United Nations General Assembly Resolution 1541, 15 Disember 1960, <https://en.wikisource.org/w/index.php>, yang seterusnya dirujuk sebagai Resolusi PBB 1541.

³² Annex 3, United Nations Malaysia Mission Report, “Final Conclusions of the Secretary-General,” 14 September 1963.

³³ SSKM, Ada Apa Dengan Perjanjian Malaysia?

³⁴ A1838, Critchley kepada Department of External Affairs, Canberra, 21 September 1965, Department of Foreign Affairs and Trade: Correspondence files, 1948-1989, National Archive of Australia.

³⁵ SSKM, Ada Apa Dengan Perjanjian Malaysia?

³⁶ “MACAM MANA (SABAH DAN SARAWAK) KELUAR DARI MALAYSIA, SEDANGKAN SABAH (NORTH BORNEO) DAN SARAWAK TIDAK PERNAH MASUK MALAYSIA?”, 9 Jun 2014, justinblogforsabah.blogspot.com/2014_06_01_archive.html

³⁷ *Borneo Bulletin*, 14 Ogos 1965.

³⁸ Lee Kuan Yew, *The Singapore Story: Memoir of Lee Kuan Yew*, Singapore: Times Edition Pte Ltd., 1998, hlm. 628-47.

³⁹ ACT OF PARLIAMENT No. 53 OF 1965, Constitution and Malaysia (Singapore Amendment) Act, 1965, AN ACT TO AMEND THE CONSTITUTION OF MALAYSIA AND THE MALAYSIA ACT [9TH AUGUST, 1965, *Old Treaties and Documents of Malaysia (1791-1965)*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd. (ITNMB), 2008, hlm 230-32.

⁴⁰ Perkara 1 (2), Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1965, versi 9 Ogos 1965.

⁴¹ Christian Hillgruber, “The Admission of New States to the International Community” *European Journal of International Law*, 9, 1998, hlm. 491-509.

⁴² FCO 24/1208, J. S. Chick to Veronica E Feirn, 19 Julai 1971, National Archive at Kew, United Kingdom.

⁴³ SSKM, Ada Apa Dengan Perjanjian Malaysia?

⁴⁴ Fakta 1, 2, 3, Daniel Jebon Janaun, Perjanjian Malaysia 1963 Tidak Sah?? 21 September 2014, mosiktimes.blogspot.com

⁴⁵ Prinsip VI (A), Resolusi PBB 1541.

⁴⁶ Andrew J. Harding dan James Chin (pnyt). *50 Years of Malaysia hlm. 4.*

⁴⁷ Fakta 4, Daniel Jebon Janaun, Perjanjian Malaysia 1963 Tidak Sah??

⁴⁸ Vienna Convention 1 on the Law of Treaties, MULTILATERAL Vienna Convention on the law of treaties, Vol. 1155,1-18232, United Nations -- Treaty Series, 1980.

⁴⁹ Fakta 5, Daniel Jebon Janaun, Perjanjian Malaysia 1963 Tidak Sah??

⁵⁰ Prinsip V dan Vi, Resolusi PBB 1541.

⁵¹ Fakta 6, Daniel Jebon Janaun, Perjanjian Malaysia 1963 Tidak Sah??

⁵² Charter of the United Nations And Statue of the International Court of Justice, San Francisco, 1945.

⁵³ Fakta 7, 8dan 9, Daniel Jebon Janaun, “Perjanjian Malaysia 1963 Tidak Sah?”